



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

حَبَابَةُ خَيْرٍ مِنَ الْوَالِدِ الْكَاثِرِ السَّلَامِ كَمَا فِي كِتَابِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

06 SYAABAN 1445H/ 16 FEBRUARI 2024M

MATLAMAT HIDUP

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK :

ABD. RAZAK BIN HAMDIN

PEGAWAI PENYEMAK Penolong Pengarah.....

Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA: 14/2/2024

DIBACA PADA : 16/2/2024

DILULUSKAN OLEH :

ADAM BIN ABDUL HAJ
KETUA PENOLONG PENGARAH
Bahagian Penyelidikan Dan Informa
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾ (الحشر (59): 18)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيَّ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ يَاحَسَنًا إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib terlebih dahulu ingin berpesan kepada diri khatib sendiri dan tuan-tuan sekalian agar marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan mentaati segala titah perintah-Nya dan wajib meninggalkan setiap larangan mahupun tegahan-Nya. Pada hari yang mulia ini juga marilah kita perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Khatib hari ini ingin menyampaikan khutbah yang bertajuk "**MATLAMAT HIDUP**".

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib ingin mengajak Jemaah yang hadir pada hari ini untuk menghayati firman Allah SWT yang dibacakan awal khutbah tadi yang bermaksud: "*Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah setiap kamu melihat (memikirkan) apa yang telah kamu sediakan untuk hari esok (kiamat), dan bertaqwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat mengetahui apa yang kamu lakukan.*"

Marilah sama-sama kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar *taqwa*, yakni dengan kita mentaati setiap titah perintah-Nya. Pada

masa yang sama, kita meninggalkan setiap larangan dan tegahan-Nya. Mudah-mudahan, kita mendapat kejayaan hidup dunia dan akhirat.

Kehidupan di dunia yang fana ini bukan semata-mata mencari keseronokan sahaja, malahan sebagai muslim sejati adalah menjadi kewajipan bagi kita untuk beriman dengan hari akhirat yang pasti abadi. Sabda Nabi SAW yang bermaksud: *“Dari Sahl bin Sa’ad RA berkata: Jibril datang kepada Nabi Muhammad SAW, lalu berkata: “Wahai Muhammad! Hiduplah sesukamu, kerana sesungguhnya kamu akan mati, cintailah siapa yang kamu suka, kerana sesungguhnya engkau akan berpisah dengannya dan berbuatlah sesukamu, kerana sesungguhnya engkau akan diberi balasan kerananya.” Kemudian dia berkata: “Wahai Muhammad! Kemuliaan seorang mukmin adalah berdirinya dia pada malam hari (untuk solat malam), dan keperkasaannya adalah ketidakbergantungannya kepada manusia.”*

- (Hadis Riwayat at-Tabarani)

SAUDARA-SAUDARAKU SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI,

Baginda SAW telah menyampaikan satu peringatan yang sangat penting buat kita semua di dalam hadis yang dibacakan tadi. Beberapa perkara telah dinyatakan oleh baginda SAW untuk melalui kehidupan sementara di dunia.

Hakikat dunia yang sementara sahaja bermakna kematian pasti akan tiba. Walau siapa pun kita, samada kaya atau miskin, rakyat atau pemerintah, orang kampung atau orang pekan, muda atau tua, yang pasti kita akan menghadapi saat kematian yang dijanjikan oleh Allah SWT. Oleh yang demikian, sementara kita masih diberi peluang untuk hidup, maka gunakanlah kehidupan ini pada jalan yang Allah reda. Jangan bazirkan

atau sia-siakan umur yang Allah pinjamkan kepada kita. Umur kita adalah amanah yang akan disoal oleh Allah SWT di akhirat kelak.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Apa yang kita buat ketika hidup ini, samada baik atau jahat, maka akan diberi balasan oleh Allah SWT. Yang baik akan diberi balasan yang baik, manakala yang jahat akan dibalas dengan balasan yang buruk. Maka Nabi SAW memberikan peringatan kepada kita, kamu nak hidup macam mana pun hiduplah, tetapi satu perkara yang mesti ingat baik-baik ialah, apa yang kamu buat ketika kamu hidup di atas dunia ini tidak akan terlepas daripada balasan Allah SWT di akhirat kelak. Maka berfikirilah sehabis-habisnya sebelum kita bertindak untuk melakukan sesuatu perkara.

Kehidupan yang singkat bermakna tiada gunanya hidup dalam permusuhan, apatah lagi Islam adalah agama perdamaian. Kita dituntut untuk sayang menyayangi dan kasih mengasihi antara satu sama lain. Namun begitu ingatlah bahawa walau siapa pun yang kita kasih, walau siapa pun yang kita sayang, suatu hari kita pasti akan berpisah dengannya iaitu berpisah dengan kematian. Samada kita yang meninggalkannya atau dia yang meninggalkan kita.

Ini adalah suatu perkara yang pasti. Oleh yang demikian, sementara kita hidup, berbuat baiklah sesama kita. Berkasih sayanglah sesama kita. Mudah-mudahan apabila kita mati, orang akan mengenangkan kita dengan kebaikan dan bukannya dengan keburukan dan kejahatan.

SAUDARA-SAUDARAKU SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI,

Seterusnya baginda nabi SAW menjelaskan tentang kelebihan ibadah yang dilakukan pada malam hari atau *Qiamullail* (قِيَامُ اللَّيْلِ). Ini adalah waktu yang paling tenang untuk kita sujud dan mendekatkan diri kepada Allah.

Rasulullah SAW bersabda yang **bermaksud**: “*Ketahui olehmu bahawasanya tidak engkau kepada Allah sekali sujud melainkan Allah akan mengangkat kedudukanmu satu darjat, dan akan menghapuskan bagimu satu dosa.*” (HR Imam Ahmad)

Bangunlah di sepertiga akhir pada tiap-tiap malam kerana inilah waktu dan masa yang Allah limpahkan rahmat dan keampunanNya dan inilah juga waktu yang sangat dimustajabkan doa. Orang yang *istiqamah* beribadah pada malam hari, akan diangkat darjatnya di sisi Allah serta dimuliakan oleh Allah SWT.

Kekayaan seseorang manusia bukanlah diukur dari segi harta yang dimilikinya, tetapi orang kaya yang diiktiraf oleh baginda nabi SAW ialah mereka yang tidak bergantung sesama manusia. Orang yang Allah pelihara dirinya daripada sifat meminta-minta kepada manusia, atau Allah beri kepadanya sifat qanaah yakni cukup dengan apa yang ada di dalam tangannya, maka inilah orang yang kaya di sisi Nabi SAW walaupun di sisi manusia dia adalah orang yang miskin dan tidak memiliki harta. Tetapi jika sekiranya sifatnya suka minta-minta dan suka bergantung sesama manusia, maka dia adalah orang yang miskin di sisi Nabi SAW sekalipun dia pada pandangan manusia memiliki harta kekayaan yang melimpah ruah.

SAUDARA-SAUDARAKU SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI,

Marilah kita sama-sama bermuhasabah memikirkan matlamat dan keadaan diri kita. Apakah keadaan cara hidup kita semakin bertambah baik di sisi Allah ataupun sebaliknya. Apakah setiap hari semakin bertambah amalan baik kita, ataupun sebaliknya.

Apa yang sepatutnya berlaku ialah, apabila umur semakin bertambah, dan masa untuk kita semakin dekat maka semakin bertambahlah bekalan amal kebajikan yang kita lakukan.

Namun jika yang semakin bertambah ialah amal maksiat, maka cepat-cepatlah balik kepada Allah sebelum kita terlambat. Manusia yang cerdik ialah, mereka yang berpenat lelah di atas dunia ini untuk bekerja mencari bekal yang akan digunakan di akhirat kelak.

Menutup khutbah hari ini, khatib berpesan 3 perkara:

Pertama: Eratkanlah hubungan persaudaraan dan jauhilah perkelahian.

Kedua: Perbanyakkan amal ibadah kita selagi masih diberi kesempatan bernafas sebagai persediaan bekalan di akhirat kelak.

Ketiga: Yakinlah dengan segala ketentuan takdir hidup ini. Insafilah hakikat bahawa kita sebagai makhluk yang kerdil tidak mempunyai sebarang upaya untuk mengubah takdir melainkan dengan usaha dan tawakkal kepada yang Maha Pencipta.

Firman Allah SWT dalam surah al-Mulk ayat 2:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿٢﴾

Maksudnya: "Dia lah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) - untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Ia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat);"

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي

هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

تک س خطہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ،
أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا

كباوه دولي يثع مها موليا سري قادوك بكيندا يثع دثرتوان اكوغ و فحامة الرئيس
الأعلى تون يثع تراوتام يثع دثرتوا نكري سابه. واجعل اللهم هذه البلدة وسائر
بلاد المسلمين آمنة مطمئنة، إنك رؤوف الرحيم.

اللهم اذفع عنا البلاء والوباء والفحشاء والمنكر والمحن والفتن، ما ظهر منها وما
بطن، من بلدنا هذا خاصة، ومن بلدان المسلمين عامة، إنك على كل شيء
قدير.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin Muslimat yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan serta porak perandakan kepungan musuh yang menindas mereka.

Ya Aziz Ya Jabbar, terimalah yang gugur dari kalangan saudara kami sebagai golongan syuhada yang mulia di sisi-Mu, kurniakan kesembuhan yang jatuh sakit dikalangan mereka, kurniakan keafiatan pada yang cedera.

Ya Allah, sesungguhnya kami meyakini engkau sentiasa Bersama mereka, maka hindarkan mereka daripada mara bahaya musuh yang sentiasa menentang mereka, hukumlah zionis yahudi yang melampaui batas yang melakukan kezaliman terhadap saudara kami tanpa kasihan belas. Musnahkanlah segala kekuatan yang mereka miliki, kerana mereka memang tidak berupaya melawan dan melemahkan kekuatan dan kekuasaan-Mu.

Ya Qawiyy wa Ya Qahhar, Engkau cerai beraikan ikatan antara mereka, porak perandakan kesatuan mereka serta gagalkanlah segala tipu daya serta perancangan jahat mereka khususnya puak zionis yahudi dan konco-konco yang membantu mereka.

Ya Rahman wa Ya Rahim, bantulah kami Umat Nabi Muhammad, Perbaiki serta Rahmatilah Umat Nabi Muhammad, Engkau pimpinlah dan bimbinglah kami ke jalan yang lurus yakni jalan yang engkau redai.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522127 / jheains.penerbitan@gmail.com